



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

PENDIDIKAN MUZIK

ENAM

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

PENDIDIKAN MUZIK

TAHUN ENAM

Cetakan Pertama

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA	iii	ORGANISASI KANDUNGAN	8
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	iv	Standard Kandungan	8
BENTUK KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH	3	Standard Pembelajaran	8
Tunjang Komunikasi	3	Standard Prestasi	8
Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika	3	KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)	10
Tunjang Keterampilan Diri	5	ELEMEN MERENTAS KURIKULUM (EMK)	11
Tunjang Kemanusiaan	5	STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	13
Tunjang Sains dan Teknologi	5	Penilaian dalam Pendidikan Muzik	14
Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai	5	Standard Prestasi Pendidikan Muzik	14
KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK	6	KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK TAHUN ENAM	19
MATLAMAT PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH	6	Objektif Pendidikan Muzik Tahun Enam	21
OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH	7	Modul 1 : Pengalaman Muzikal	22
FOKUS MATA PELAJARAN	7	Modul 2 : Penghasilan Muzik	32
Modul Pengalaman Muzik	7	Modul 3 : Apresiasi Muzik	33
Modul Penghasilan Muzik	7	Modul 4 : Membaca Dan Menulis Notasi Muzik	34
Modul Apresiasi Muzik	7	Glosari	41
Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik	7		

BENTUK KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)

Konsep tunjang yang diperkenalkan dalam KSSR, merupakan satu bentuk pengklasifikasian bidang ilmu, kemahiran dan nilai. Konsep ini berfokus kepada pembentukan modal insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Enam tunjang dikenal pasti mewakili bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang menjadi asas kepada pembangunan insan yang berfikiran kreatif, kritis dan inovatif (Rajah 1). Tunjang-tunjang tersebut menggambarkan penstrukturan secara eksplisit bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang perlu dikuasai murid. Setiap tunjang saling berhubung kait dan bersepadu.

Tunjang Komunikasi

Tunjang Komunikasi memberi penekanan kepada proses menggabung jalin kemahiran berbahasa dalam bentuk lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Tunjang ini memberi fokus kepada kemahiran bahasa seperti mendengar dan bertutur, membaca dan menulis, serta nilai tambah menaakul.

Murid perlu menguasai kemahiran ini bagi membantu mereka dalam proses pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam tunjang-tunjang yang lain. Penguasaan kemahiran berbahasa menyediakan murid untuk membuat pemilihan bahasa yang bertepatan dan sistematik dalam interaksi sosial.

Disiplin ilmu dalam Tunjang Komunikasi ialah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan, Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, Bahasa Iban, Bahasa Kadazan Dusun dan Bahasa Semai.

Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika

Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika memberi penekanan kepada perkembangan jasmani dan kesihatan untuk kesejahteraan diri dan pemupukan daya imaginasi, kreativiti, bakat dan apresiasi. Disiplin ilmu yang membangunkan aspek fizikal ialah Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Kreativiti, bakat dan apresiasi dipupuk melalui Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik.



Rajah 1 : Kerangka KSSR

Tunjang Keterampilan Diri

Tunjang Keterampilan Diri memberi penekanan kepada pemupukan kepimpinan dan sahsiah diri melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Murid diberi peluang menyepadukan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah dan mengamalkannya dalam kegiatan kokurikulum. Penglibatan dalam kegiatan kokurikulum seperti persatuan, badan beruniform dan sukan memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri sebagai pemimpin kepada diri, rakan sebaya, keluarga dan masyarakat.

Tunjang Kemanusiaan

Tunjang Kemanusiaan memberi penekanan kepada penguasaan ilmu dan amalan tentang kemasyarakatan dan alam sekitar setempat, negara dan global, serta penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan. Disiplin ilmu yang terdapat dalam Tunjang Kemanusiaan ialah Sejarah yang diperkenalkan mulai Tahap II persekolahan.

Tunjang Sains dan Teknologi

Tunjang Sains dan Teknologi memberi penekanan kepada penguasaan:

- pengetahuan sains, kemahiran dan sikap saintifik
- pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam matematik
- pengetahuan dan kemahiran berasaskan teknologi

Disiplin ilmu yang terdapat dalam Tunjang Literasi Sains dan Teknologi ialah Sains, Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Tunjang Kerohanian, Sikap Dan Nilai

Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai memberi penekanan kepada bidang pembelajaran yang berfokus kepada penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai. Disiplin ilmu dalam tunjang ini merangkumi Pendidikan Islam bagi murid Islam dan Pendidikan Moral bagi murid bukan Islam.

KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK

Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap Dua merupakan program pembelajaran untuk tiga tahun persekolahan iaitu dari Tahun Empat hingga Tahun Enam di sekolah rendah. Kurikulum ini merupakan kesinambungan program pembelajaran Dunia Muzik Tahap Satu (Tahun Satu hingga Tahun Tiga). Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap Dua memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan kemahiran murid dalam bidang muzik. Murid diberi pelbagai peluang untuk meluahkan idea kreatif di samping meningkatkan apresiasi terhadap estetika muzik. Pada tahap ini juga, murid berpeluang untuk mempelajari pembacaan dan penulisan notasi muzik secara konvensional seterusnya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran tersebut menerusi permainan alat muzik. Bagi mencapai tujuan yang dihasratkan, kurikulum ini dibina dengan memberi tumpuan kepada empat modul kurikulum iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik, dan Membaca dan Menulis Notasi Muzik.

MATLAMAT PENDIDIKAN MUZIK

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah bermatlamat untuk melahirkan insan kreatif yang berpengetahuan serta dapat menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzik.

OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut;

- i. mengaplikasi pengetahuan muzik menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik,
- ii. mengaplikasi pengetahuan membaca notasi muzik dalam aktiviti muzik,
- iii. menghasilkan idea muzik kreatif menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik,
- iv. membaca dan menulis notasi muzik,
- v. menghargai pelbagai jenis muzik dengan menyatakan secara lisan daripada aspek muzikal karya muzik yang didengar atau ditonton; dan
- vi. mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

FOKUS MATA PELAJARAN

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah dibina berasaskan **EMPAT** modul kurikulum dengan peratus pengagihan kandungan seperti berikut;

Modul Pengalaman Muzikal (60%)

Murid memperoleh pengalaman muzikal menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik. Murid berpeluang untuk memainkan rekorder sebagai alat muzik berpik.

Modul Penghasilan Muzik (20%)

Murid menzahirkan idea kreatif melalui aktiviti muzik yang dialami semasa pengajaran dan pembelajaran.

Modul Apresiasi Muzik (10%)

Murid menghayati dan menghargai pelbagai jenis muzik menerusi pendedahan kepada muzik daripada pelbagai budaya.

Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik (10%)

Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran asas membaca dan menulis notasi muzik dalam permainan alat muzik.

ORGANISASI KANDUNGAN

Dokumen ini disusun berasaskan **EMPAT** modul kurikulum seperti berikut:

- i. Pengalaman Muzikal
- ii. Penghasilan Muzik
- iii. Apresiasi Muzik
- iv. Membaca dan Menulis Notasi Muzik

Susunan modul kurikulum ini tidak mengikut hierarki tetap. Susunan ini bertujuan untuk memudahkan kandungan kurikulum diorganisasikan. Guru boleh memulakan pengajaran tanpa terikat dengan susunan modul. Guru juga boleh menggabung jalin kandungan antara modul. Setiap modul kurikulum mengandungi tiga lajur utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Standard Kandungan

Standard Kandungan merujuk kepada ilmu pengetahuan yang perlu dipelajari oleh murid. Setiap pernyataan di dalam Standard Kandungan merupakan perkara spesifik yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan.

Standard Pembelajaran

Standard Pembelajaran merujuk kepada kemahiran yang perlu dikuasai murid bagi satu tahun persekolahan. Setiap pernyataan di dalam Standard Pembelajaran merupakan satu penetapan kriteria kualiti pembelajaran yang dihasratkan dan boleh diukur.

Standard Prestasi

Standard Prestasi merupakan skala rujukan guru untuk menentukan pencapaian murid dalam menguasai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang ditetapkan. Standard Prestasi mengandungi 6 Tahap Penguasaan yang disusun secara hierarki di mana Tahap Penguasaan 1 menunjukkan pencapaian terendah sehingga pencapaian tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6. Setiap pernyataan Tahap Penguasaan ditafsirkan secara generik sebagai aras tertentu untuk memberi gambaran holistik tentang pencapaian murid seperti di Jadual 1.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respon terhadap perkara yang asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

Jadual 1 : Tafsiran Umum Standard Prestasi

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Kurikulum Kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke-21 ini selari dengan 6 aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Kemahiran berfikir telah ditekankan dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK). Kemahiran berfikir ini menekan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT adalah merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti Jadual 2. Kemahiran ini ditulis secara eksplisit dalam setiap kurikulum mata pelajaran.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah untuk menggalakkan murid berfikir.

KBAT	Penerangan
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> • mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> • membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> • menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

Jadual 2 : Penerangan KBAT

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM (EMK)

Elemen Merentas Kurikulum ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen Merentas Kurikulum dalam KBSR iaitu bahasa, sains dan teknologi, kelestarian alam sekitar, nilai murni dan patriotisme masih relevan untuk diguna pakai dalam KSSR.

Elemen Merentas Kurikulum yang baharu, iaitu kreativiti dan inovasi, keusahawanan, serta teknologi maklumat dan komunikasi dikenal pasti sebagai pelengkap kepada usaha memantapkan kualiti pelaksanaan KSSR. Berikut ialah penerangan kepada elemen-elemen tambahan dalam KSSR:

ELEMEN BAHARU

KREATIVITI DAN INOVASI

- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran KSSR bagi membangun dan mengembangkan tahap potensi kreativiti mengikut keupayaan individu murid.
- Kreativiti merujuk kepada tindakan penghasilan idea, pendekatan atau tindakan baharu. Inovasi pula ialah proses menjana idea dan mengaplikasi idea kreatif dalam konteks tertentu.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan untuk memastikan kedua-dua proses tersebut dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi pembangunan modal insan yang dihasratkan.

KEUSAHAWANAN

- Elemen keusahawanan merentas kurikulum merupakan satu pendekatan membudayakan keusahawanan melibatkan proses pembentukan sikap seseorang usahawan, latihan dan pemikiran, latihan kemahiran pengurusan perniagaan, aplikasi vokasional dan teknologi serta amalan nilai moral dan etika dalam keusahawanan.
- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (TMK)


- Elemen TMK adalah bagi memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari, menggalakkan kreativiti dan menyediakan pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan serta menjana pemikiran kritis dan kreatif, berinovatif serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- Elemen TMK digunakan dalam PdP di mana ianya diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (TMK)

Terdapat tiga pendekatan utama bagi menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu:

- Belajar Mengenai TMK – bermaksud murid menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran ilmu yang khusus dalam bidang TMK iaitu Sistem Komputer, Rangkaian, Sistem Maklumat, Multimedia dan Pengaturcaraan. Pendedahan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang ini kepada murid diajar bersesuaian dengan tahap kognitif dan keupayaan mereka.
 - Belajar Dengan TMK – bermaksud murid menggunakan TMK sebagai alat untuk belajar seperti perisian dan perkakasan TMK. Antara perisian yang boleh digunakan seperti MS Word, MS PowerPoint, MS Excel, Paint, Geometer's Sketchpad dan Perisian percuma (*freeware*) belajar menaip *Typing Tutor*. Manakala perkakasan pula ialah seperti pencetak, pengimbas dan kamera. Pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan, menarik dan seronok dengan menggunakan TMK. Penggunaan TMK sebagai alat dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah akan dapat menjadikan murid lebih kreatif dan inovatif sesuai mengikut tahap pemikiran mereka.
 - Belajar melalui TMK – bermaksud penggunaan TMK untuk mengakses maklumat dan ilmu pengetahuan menggunakan media TMK seperti CD-ROM, DVD-ROM, perisian kursus dan internet. Contoh belajar melalui TMK dapat dilihat melalui penggunaan bahan seperti ensiklopedia, kamus dan video pembelajaran secara *online*, perisian kursus PPSMI, Portal E-bahan, EduwebTV dan *Google Earth*.
- Semua pendekatan tersebut melengkapi antara satu sama lain dan perlu diintegrasikan bagi membolehkan pelaksanaan sebagai mata pelajaran dan merentas kurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Adalah disarankan guru mengintegrasikan TMK melalui aktiviti berasaskan projek atau tugasan.

Guru hendaklah memastikan kesemua Elemen Merentas Kurikulum diterapkan secara efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan insan yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hubungan Elemen Merentas Kurikulum dalam pembangunan insan yang seimbang digambarkan melalui Rajah 2.



Rajah 2

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kurikulum Pendidikan Muzik dirangka berdasarkan empat modul kurikulum iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik serta Membaca dan Menulis Notasi Muzik tanpa mengikut hierarki yang wajib dituruti. Oleh itu, untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan maka fokus pengajaran haruslah dilaksanakan secara integrasi antara modul kurikulum. Contohnya, pengetahuan tentang notasi muzik dikukuhkan semasa aktiviti bermain rekoder, memainkan perkusi dan penghasilan muzik manakala pengukuhan kepada elemen muzik seperti mud, melodi dan tempo diaplikasikan menerusi aktiviti muzik dan gerakan.

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran yang berkaitan dengan bunyi. Oleh yang demikian, mendengar merupakan kemahiran yang perlu dibina di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti mendengar secara aktif hendaklah menjadi tanggung kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran muzik. Selain itu, murid hendaklah sentiasa diberi peluang meluahkan idea muzik mereka yang dizahirkan menerusi aktiviti permainan alat muzik dan gerakan. Oleh itu, guru perlu bijak merancang pengajaran mereka dengan mengambil kira pelbagai kaedah mengajar serta menerapkan kemahiran abad ke 21 dan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) untuk memastikan pembelajaran murid pada tahap yang optimum.

Penilaian dalam Pendidikan Muzik

Pengajaran dan pembelajaran perlu dinilai keberkesanannya. Pencapaian murid dinilai untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran muzik yang diajar. Perkara ini memerlukan aktiviti penilaian yang dilakukan semasa atau di penghujung aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Petunjuk pencapaian murid haruslah dengan *evidens* yang dapat menyatakan tahap pencapaian mereka. Tahap pencapaian ini mestilah dinyatakan dengan jelas dan menjadi landasan yang kukuh kepada guru untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi.

Evidens tidak semestinya dalam bentuk penulisan murid. Aktiviti amali yang menunjukkan murid telah mencapai Standard Pembelajaran yang ditetapkan juga boleh diterima. Sebagai contoh, untuk menilai keupayaan murid memahami konsep tempo cepat dan lambat atau pic tinggi dan rendah. Guru boleh menilai pemahaman elemen tersebut secara pemerhatian semasa murid melakukan aktiviti pergerakan ketika pengajaran dan pembelajaran. Apa yang penting, semua pemerhatian guru terhadap aktiviti murid perlu direkodkan dalam borang pemerhatian atau senarai semak. Oleh yang demikian, guru hendaklah merancang dengan teliti kaedah yang sesuai untuk menilai murid bagi memastikan penilaian yang relevan dan menepati tujuan.

Standard Prestasi Pendidikan Muzik

Standard Prestasi Pendidikan Muzik diwujudkan sebagai instrumen rujukan guru bagi menentukan pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah. Standard Prestasi ini juga dirangka berdasarkan tafsiran umum Standard Prestasi seperti di Jadual 6. Untuk menambahkan kefahaman guru, penerangan tentang Tahap Penguasaan 1 hingga 6 dijemakan dalam tiga domain iaitu kognitif, psikomotor dan afektif seperti di jadual 3. Berdasarkan domain-domain tersebut, guru akan lebih memahami kandungan kurikulum dan memastikan tiada domain yang terabai dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya Standard Prestasi Pendidikan Muzik ini, diharapkan guru dapat mentafsir murid dengan penuh yakin, tepat dan berintegriti demi kemajuan dan perkembangan murid dalam melahirkan insan yang seimbang.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<p>Kognitif</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melakukan aktiviti meniru/mengajuk. (Modul Penghasilan Muzik) - Mengetahui muzik yang didengar. (Modul Apresiasi Muzik) - Mengetahui notasi muzik. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/ Bermain alat muzik dengan cara mengajuk. (Modul Pengalaman Muzikal) - Melakukan pergerakan dengan cara meniru. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menerima nilai murni dalam aktiviti muzik.
2	<p>Kognitif</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengetahui dan memahami elemen muzik. (Modul Penghasilan Muzik) - Mengetahui dan memahami muzik yang didengar. (Modul Apresiasi Muzik) - Mengetahui dan memahami notasi muzik. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/Bermain alat muzik. (Modul Pengalaman Muzikal) - Melakukan pergerakan berdasarkan elemen muzik. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menerima nilai murni dan mempamerkan dalam aktiviti muzik.

Jadual 3 : Standard Prestasi Pendidikan Muzik

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3	<p>Kognitif</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghasilkan muzik dengan mengaplikasikan elemen muzik. (Modul Penghasilan Muzik) - Mengetahui, memahami dan menyatakan ciri muzik yang didengar. (Modul Apresiasi Muzik) - Mengetahui, memahami dan menulis semula notasi muzik pada baluk. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/Bermain alat muzik dengan mempraktikkan elemen muzik. (Modul Pengalaman Muzikal) - Melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.
4	<p>Kognitif</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk menghasilkan muzik. (Modul Penghasilan Muzik) - Membicarakan muzik yang didengar atau ditonton dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik. (Modul Apresiasi Muzik) - Menulis notasi muzik pada baluk. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/Bermain alat muzik dengan mempraktikkan elemen muzik dengan betul. (Modul Pengalaman Muzikal) - Melakukan pergerakan mengikut tema berdasarkan muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5	<p>Kognitif</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengimprovisasikan idea muzik untuk menghasilkan karya muzik. (Modul Penghasilan Muzik) - Membicarakan muzik pilihan sendiri dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik. (Modul Apresiasi Muzik) - Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/ Bermain alat muzik/ dengan mengaplikasikan elemen muzik secara konsisten. (Modul Pengalaman Muzikal) - Membuat interpretasi melalui pergerakan terhadap muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.
6	<p>Kognitif</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mencipta karya muzik. (Modul Penghasilan Muzik) - Membuat penilaian muzik pilihan sendiri dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk mengenal pasti identiti utama muzik tersebut. (Modul Apresiasi Muzik) - Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat secara konsisten. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/Bermain alat muzik dengan mengaplikasikan elemen muzik secara ekspresif dan konsisten. (Modul Pengalaman Muzikal) - Merancang dan melakukan pergerakan kreatif dari muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara kepada rakan yang lain.

**KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK
TAHUN ENAM**

OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK TAHUN ENAM

Kurikulum Pendidikan Muzik Tahun Enam bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut;

- i. menyanyikan lagu dengan ton suara dan ekspresi yang sesuai serta pic, sebutan dan artikulasi yang betul mengikut tempo,
- ii. memainkan alat perkusi dengan ekspresi yang sesuai berdasarkan skor mengikut tempo,
- iii. melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar,
- iv. memainkan rekoder dengan teknik yang betul berdasarkan skor,
- v. menghasilkan idea muzikal untuk mengiringi persembahan,
- vi. memberi pendapat terhadap muzik yang didengar,
- vii. Membaca, menama dan menulis simbol muzik, not, tanda rehat dan meter; dan
- viii. mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

MODUL 1 : PENGALAMAN MUZIKAL (60%)

Murid menyanyikan lagu dengan ton suara dan ekspresi yang sesuai serta pic sebutan dan artikulasi yang betul mengikut tempo.

Murid memainkan alat perkusi dengan ekspresi yang sesuai berdasarkan skor mengikut tempo.

Murid melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar.

Murid memainkan rekoder dengan teknik yang betul berdasarkan skor mengikut tempo.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
1.1 Menyanyikan lagu daripada pelbagai repertoir.	1.1.1 Bernyanyi dengan pic yang betul. 1.1.2 Bernyanyi lagu dua lapisan suara. 1.1.3 Bernyanyi solfa do, re, mi, fa, so, la, ti, do'. - menyanyikan solfa dalam pelbagai corak irama	Mengajuk pic.	Bernyanyi dengan sebutan dan pic yang betul.	Bernyanyi dengan sebutan, pic dan dinamik lembut (<i>p</i>) atau sederhana lembut (<i>mp</i>) atau , kuat (<i>f</i>) atau sederhana kuat (<i>mf</i>) yang betul.	Bernyanyi dengan sebutan, pic, solfa dan dinamik lembut (<i>p</i>) atau sederhana lembut (<i>mp</i>) atau , kuat (<i>f</i>) atau sederhana kuat (<i>mf</i>) yang betul.	Bernyanyi dengan sebutan, pic, solfa, dinamik dan artikulasi yang betul dan konsisten.	Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan sebutan, pic, solfa dan dinamik dan artikulasi yang betul secara ekspresif dan konsisten.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
	<p>1.1.4 Mengaplikasi <i>crescendo</i> dan <i>decrescendo</i> dalam nyanyian.</p> <p>1.1.5 Bernyanyi dengan dinamik. - lembut (<i>p</i>) - sederhana lembut (<i>mp</i>) - kuat (<i>f</i>) - sederhana kuat (<i>mf</i>)</p> <p>1.1.6 Bernyanyi dengan artikulasi yang betul. - <i>staccato</i> - <i>legato</i></p>						



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
	<p>1.1.7 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti bernyanyi.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - bekerjasama dalam kumpulan - bertoleransi semasa melakukan aktiviti muzik - bertanggungjawab terhadap tugas atau peranan yang diberi - mematuhi arahan ketua/konduktor/guru - menghormati arahan ketua/konduktor/guru 	Menerima nilai murni dalam aktiviti muzik.	Menerima nilai murni dan mempamerkan dalam aktiviti muzik.	Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara kepada rakan yang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
1.2 Memainkan alat perkusi.	<p>1.2.1 Memainkan corak irama berdasarkan skor.</p> <p style="padding-left: 40px;">- meter 2 3 4 4 4 4</p> <p>1.2.2 Memainkan alat perkusi dalam pelbagai tempo.</p> <p>1.2.3 Memainkan alat perkusi dengan dinamik berdasarkan skor.</p> <ul style="list-style-type: none"> - lembut (<i>p</i>) - sederhana lembut (<i>mp</i>) - kuat (<i>f</i>) - sederhana kuat (<i>mf</i>) 	Memainkan alat perkusi dengan mengajuk corak irama.	Memainkan corak irama mengikut tempo.	Memainkan corak irama dengan dinamik lembut (<i>p</i>) <u>atau</u> sederhana lembut (<i>mp</i>) <u>atau</u> kuat (<i>f</i>) <u>atau</u> sederhana kuat (<i>mf</i>) yang betul mengikut tempo.	Memainkan corak irama dengan dinamik lembut (<i>p</i>) <u>atau</u> sederhana lembut (<i>mp</i>) <u>atau</u> kuat (<i>f</i>) <u>atau</u> sederhana kuat (<i>mf</i>) yang betul mengikut tempo berdasarkan skor.	Memainkan corak irama dengan dinamik yang betul mengikut tempo berdasarkan skor secara konsisten.	Memainkan corak irama dengan dinamik yang betul mengikut tempo berdasarkan skor secara ekspresif dan konsisten.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
	<p>1.2.4 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti memainkan alat perkusi.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - bekerjasama dalam kumpulan - bertoleransi semasa melakukan aktiviti muzik - bertanggungjawab terhadap tugas atau peranan yang diberi - mematuhi arahan ketua/konduktor/guru - menghormati arahan ketua/konduktor/guru 	Menerima nilai murni dalam aktiviti muzik.	Menerima nilai murni dan mempamerkan dalam aktiviti muzik.	Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara kepada rakan yang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
1.3 Bergerak mengikut muzik.	<p>1.3.1 Membuat pergerakan berdasarkan muzik yang didengar.</p> <ul style="list-style-type: none"> - bentuk muzik - harmoni - tekstur <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> - bergerak berdasarkan situasi, tema atau puisi 	Meniru pergerakan berdasarkan bentuk muzik, harmoni dan tekstur.	Melakukan pergerakan yang ditetapkan berdasarkan bentuk muzik <u>atau</u> harmoni <u>atau</u> tekstur.	Melakukan pergerakan yang ditetapkan berdasarkan bentuk muzik, harmoni <u>dan</u> tekstur.	Melakukan pergerakan mengikut situasi <u>atau</u> tema <u>atau</u> puisi berdasarkan bentuk muzik, harmoni <u>dan</u> tekstur.	Membuat interpretasi dan ekspresi diri dari muzik yang didengar dan melakukan pergerakan mengikut situasi <u>atau</u> tema <u>atau</u> puisi berdasarkan bentuk muzik, harmoni dan tekstur.	Merancang pergerakan kreatif dari muzik yang didengar dan melakukan pergerakan mengikut situasi <u>atau</u> tema <u>atau</u> puisi berdasarkan bentuk muzik, harmoni dan tekstur secara ekspresif.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
1.3 Bergerak mengikut muzik.	<p>1.3.2 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti bergerak mengikut muzik.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - bekerjasama dalam kumpulan - bertoleransi semasa melakukan aktiviti muzik - bertanggungjawab terhadap tugas atau peranan yang diberi - mematuhi arahan ketua/konduktor/guru - menghormati arahan ketua/konduktor/guru 	Menerima nilai murni dalam aktiviti muzik.	Menerima nilai murni dan mempamerkan dalam aktiviti muzik.	Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara kepada rakan yang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
1.4 Memainkan rekoder secara ensemble.	<p>1.4.1 Memainkan not C, D, E, F, G, A, B, C' dan D' dengan ton yang baik.</p>  <p>C D E F G A B C' D'</p> <ul style="list-style-type: none"> - memainkan not  - penjarian not C, D, E, F, G, A, B, C' dan D' - pernafasan - perlidahan (dengan sebutan tu) - <i>embouchure</i> - postur 	Meniru dan memainkan not E, F, G, A, B, C' dan D'.	Memainkan rekoder not C, D, E, F, G, A, B, C' dan D'.	Memainkan frasa lagu not C, D, E, F, G, A, B, C' dan D'. mengikut tempo berdasarkan skor .	Memainkan melodi atau melodi kaunter dengan ton yang baik mengikut tempo dan dinamik lembut (<i>p</i>) atau sederhana lembut (<i>mp</i>) atau kuat (<i>f</i>) atau sederhana kuat (<i>mf</i>) berdasarkan skor.	Memainkan melodi dan melodi kaunter dengan ton yang baik mengikut tempo dan dinamik berdasarkan skor secara konsisten.	Memainkan melodi dan melodi kaunter dengan ton yang baik mengikut tempo dan dinamik berdasarkan skor secara konsisten dan ekspresif .

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
	<p>1.4.2 Memainkan rekoder berdasarkan skor.</p> <ul style="list-style-type: none"> - memainkan frasa lagu - memainkan melodi kaunter - memainkan melodi <p>1.4.3 Memainkan rekoder dalam pelbagai tempo.</p> <p>1.4.4 Mengaplikasikan dinamik dalam permainan rekoder</p> <ul style="list-style-type: none"> - lembut (<i>p</i>) - sederhana lembut (<i>mp</i>) - kuat (<i>f</i>) - sederhana kuat (<i>mf</i>) 						

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
	<p>1.4.5 Mengamalkan nilai murni semasa aktiviti memainkan rekoder.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - bekerjasama dalam kumpulan - bertoleransi semasa melakukan aktiviti muzik - bertanggungjawab terhadap tugas atau peranan yang diberi - mematuhi arahan ketua/konduktor/guru - menghormati arahan ketua/konduktor/guru 	Menerima nilai murni dalam aktiviti muzik.	Menerima nilai murni dan mempamerkan dalam aktiviti muzik.	Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara kepada rakan yang lain.

MODUL 2 : PENGHASILAN MUZIK (20%)

Murid menghasilkan idea muzikal untuk mengiringi persembahan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
2.1 Menghasilkan idea muzikal kreatif.	<p>2.1.1 Menghasilkan pelbagai kesan bunyi untuk mengiringi persembahan.</p> <p>2.1.2 Mencipta corak irama mudah.</p> <p style="padding-left: 40px;">- meter 2 3 4 4 4 4</p> <p>2.1.3 Mencipta dan menyanyikan melodi mudah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - mengajuk melodi - mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang diberikan. 	Mengajuk corak irama dan melodi yang didengar.	Mengenal pasti kesan bunyi yang didengar.	Menghasilkan kesan bunyi <u>atau</u> mencipta corak irama <u>atau</u> melodi mudah.	Menghasilkan kesan bunyi <u>dan</u> mencipta corak irama <u>atau</u> melodi mudah.	Menghasilkan kesan bunyi , mencipta corak irama <u>dan</u> melodi mudah mudah.	Mencipta karya muzik untuk mengiringi persembahan.





MODUL 3 : APRESIASI MUZIK (10%)


Murid memberi pendapat muzik yang didengar.











































STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
<p>3.1 Menghayati muzik daripada pelbagai repertoire.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Muzik Popular - Muzik Tradisional Malaysia - Muzik Klasik Barat - Muzik Asia 	<p>3.1.1 Memberi pendapat tentang muzik yang didengar atau ditonton menggunakan terminologi muzik secara berpandu.</p> <p>Ciri muzik:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Alat Muzik (contoh: alat bertali, alat muzik tiupan, alat perkusi) - Cara Persembahan 	Mengecam jenis muzik yang didengar atau ditonton.	Menyatakan cara persembahan muzik atau mengenal pasti alat muzik sesuatu ensembel.	Menyatakan cara persembahan muzik dan mengenal pasti alat muzik sesuatu ensembel.	Membicarakan muzik yang didengar atau ditonton daripada aspek alat muzik dan cara persembahan.	Membicarakan muzik pilihan sendiri yang didengar atau ditonton daripada aspek alat muzik dan cara persembahan.	Membuat penilaian muzik pilihan sendiri yang didengar atau ditonton dan mengenal pasti identiti utama muzik tersebut.

MODUL 4 : MEMBACA DAN MENULIS NOTASI MUZIK (10%)

Murid membaca, menama dan menulis simbol muzik, not, tanda rehat dan meter.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
4.1 Membaca dan menulis notasi muzik.	4.1.1 Menulis simbol dan istilah - <i>tie</i>  - <i>slur</i>  - <i>fermata</i>  - <i>common time</i> 	Mengetahui simbol dan istilah muzik.	Mengetahui dan memahami simbol dan istilah muzik, jenis not, nilai not dan meter.	Mengetahui, memahami dan menulis simbol dan istilah muzik, jenis not, nilai not dan tanda rehatnya, serta meter.	Menama dan menulis pada baluk simbol dan istilah muzik, jenis not, nilai not dan tanda rehatnya, meter serta not C,D,E,F,G,A, B, C' dan D'.	Menama dan menulis pada baluk simbol dan istilah muzik, jenis not, nilai not dan tanda rehatnya, meter serta not C,D,E,F,G,A, B, C' dan D' dengan betul.	Menama dan menulis pada baluk simbol dan istilah muzik, jenis not, nilai not dan tanda rehatnya, meter serta not C,D,E,F,G,A, B, C' dan D' dengan betul dan konsisten.


STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
	<p>4.1.2 Menama dan menulis not C, D, E, F G, A, B, C', D' pada baluk.</p>  <p>C D E F G A B C' D'</p> <ul style="list-style-type: none"> - Semibrif - Minim - Krocet - Kuaver 						



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI																									
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6																				
	4.1.3 Menulis nilai not dan tanda rehat.																										
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Not</th> <th>Nilai Not</th> <th>Tanda Rehat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> semibrif</td> <td>4</td> <td></td> </tr> <tr> <td> minim bertitik</td> <td>3</td> <td></td> </tr> <tr> <td> minim</td> <td>2</td> <td></td> </tr> <tr> <td> krocet bertitik</td> <td>1½</td> <td> atau </td> </tr> <tr> <td> krocet</td> <td>1</td> <td> atau </td> </tr> <tr> <td> kuaver</td> <td>½</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Not	Nilai Not	Tanda Rehat	 semibrif	4		 minim bertitik	3		 minim	2		 krocet bertitik	1½	 atau 	 krocet	1	 atau 	 kuaver	½						
Jenis Not	Nilai Not	Tanda Rehat																									
 semibrif	4																										
 minim bertitik	3																										
 minim	2																										
 krocet bertitik	1½	 atau 																									
 krocet	1	 atau 																									
 kuaver	½																										


STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		Tahap Penguasaan 1	Tahap Penguasaan 2	Tahap Penguasaan 3	Tahap Penguasaan 4	Tahap Penguasaan 5	Tahap Penguasaan 6
	<p>4.1.4 Menulis meter.</p> <p>- menulis angka atas dan angka bawah bagi meter</p> <p>2 3 4</p> <p>4 4 4</p>						

GLOSARI



GLOSARI KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH TAHUN ENAM

PERKATAAN	PENERANGAN
<p>Alat Bertali (<i>String Instrument</i>)</p>	<p>Alat muzik yang menggunakan tali untuk menghasilkan bunyi. Contoh : gitar dan <i>violin</i></p>
<p>Alat Tiupan (<i>Blowing Instrument</i>)</p>	<p>Alat muzik yang ditiup untuk untuk menghasilkan bunyi. Contoh: <i>clarinet, flute</i> dan <i>trumpet</i></p>
<p>Alat Perkusi (<i>Percussion</i>)</p>	<p>Alat muzik yang dipalu, ketuk atau goncang untuk menghasilkan bunyi. Contoh: kompang, kerincing, kastanet dan tamborin</p>
<p>Bentuk Muzik (<i>Form</i>)</p>	<p>Bahagian-bahagian dalam sesuatu karya muzik.</p>
<p>Common Time </p>	<p>Meter lazim $\frac{4}{4}$</p>
<p>Crescendo</p>	<p>Beransur kuat</p>
<p>Decrescendo</p>	<p>Beransur lembut</p>

PERKATAAN	PENERANGAN															
<p>Dinamik <i>(Dynamic)</i></p> <p>Embouchure</p> <p>Fermata </p> <p>Harmoni</p> <p>Irama</p>	<p>Perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut dalam persembahan muzik. Antara istilah yang digunakan ialah :</p> <table border="1"><thead><tr><th data-bbox="745 408 965 440">Istilah</th><th data-bbox="1249 408 1357 440">Simbol</th><th data-bbox="1637 408 1744 440">Makna</th></tr></thead><tbody><tr><td data-bbox="745 459 826 491"><i>Piano</i></td><td data-bbox="1285 464 1310 496"><i>p</i></td><td data-bbox="1529 459 1704 491">Bunyi lembut</td></tr><tr><td data-bbox="745 507 819 539"><i>Forte</i></td><td data-bbox="1285 512 1310 544"><i>f</i></td><td data-bbox="1529 507 1671 539">Bunyi kuat</td></tr><tr><td data-bbox="745 555 920 587"><i>Mezzo Piano</i></td><td data-bbox="1279 560 1317 592"><i>mp</i></td><td data-bbox="1529 555 1850 587">Bunyi sederhana lembut</td></tr><tr><td data-bbox="745 603 913 635"><i>Mezzo Forte</i></td><td data-bbox="1279 608 1317 639"><i>mf</i></td><td data-bbox="1529 603 1816 635">Bunyi sederhana kuat</td></tr></tbody></table> <p>Teknik bibir atau mulut ketika memainkan alat tiupan.</p> <p>Berhenti seketika dengan mengekalkan pic dalam nilai yang lebih daripada nilai sebenar.</p> <p>Gabungan dua atau lebih not yang dimainkan serentak.</p> <p>Pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi panjang dan pendek. Contoh irama: </p>	Istilah	Simbol	Makna	<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut	<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat	<i>Mezzo Piano</i>	<i>mp</i>	Bunyi sederhana lembut	<i>Mezzo Forte</i>	<i>mf</i>	Bunyi sederhana kuat
Istilah	Simbol	Makna														
<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut														
<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat														
<i>Mezzo Piano</i>	<i>mp</i>	Bunyi sederhana lembut														
<i>Mezzo Forte</i>	<i>mf</i>	Bunyi sederhana kuat														

PERKATAAN	PENERANGAN
<p>Lapisan Suara</p>	<p>Lapisan melodi berlainan pic yang dimainkan atau dinyanyikan bersama-sama.</p>
<p>Legato</p>	<p>Lancar/licin</p>
<p>Melodi (<i>Melody</i>)</p>	<p>Melodi ialah susunan pic secara melintang dan berkontur.</p> <p>Contoh Melodi: </p>
<p>Melodi Kaunter (Counter Melody)</p>	<p>Melodi yang mengiringi melodi utama dalam sesebuah lagu.</p>
<p>Muzik Asia (<i>Asian Music</i>)</p>	<p>Muzik yang berasal dari negara Asia seperti contoh di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Ghazal dari Malaysia b. Gamelan Bali dari Indonesia.
<p>Muzik Instrumental (<i>Instrumental Music</i>)</p>	<p>Muzik yang dihasilkan untuk satu atau lebih alat muzik tanpa vokal. Muzik instrumental boleh dipersembahkan secara solo, duet, ensemble seperti muzik kamar atau orkestra.</p>

PERKATAAN	PENERANGAN
<p>Muzik Klasik Barat (<i>Western Classical Music</i>)</p>	<p>Muzik yang berasal dari negara Barat. Contoh: <i>Symphony No. 5</i> oleh <i>Beethoven</i>.</p>
<p>Muzik Popular (<i>Popular Music</i>)</p>	<p>Muzik semasa yang dikenali ramai.</p>
<p>Muzik Tradisional Malaysia (<i>Malaysian Traditional Music</i>)</p>	<p>Muzik yang beridentitikan masyarakat Melayu di Malaysia. Contoh: kompang, rebana ubi, wayang kulit, dan dikir barat.</p>
<p>Muzik Vokal (<i>Vocal Music</i>)</p>	<p>Muzik yang mengandungi nyanyian.</p>
<p>Perlidahan (<i>Tonguing</i>)</p>	<p>Teknik tiupan menggunakan lidah untuk mengawal penghasilan ton bagi alat-alat tiupan.</p>
<p>Pic (<i>Pitch</i>)</p>	<p>Bunyi tinggi, rendah dan sederhana.</p>
<p>Postur (<i>Posture</i>)</p>	<p>Kedudukan atau posisi tubuh badan yang betul semasa menyanyi atau bermain alat muzik.</p>

PERKATAAN	PENERANGAN
Repertoir Lagu <i>(Repertoire)</i>	Koleksi lagu.
Slur	Memainkan not-not yang dikaitkan dengan lancar. 
Solfa	Sistem yang digunakan dalam nyanyian untuk mengenal pasti pic tertentu.
Staccato	Tersekat-sekat/terputus-putus. Memainkan sesuatu not dengan memendekkan nilainya kepada separuh.
Tempo <i>(Tempo)</i>	Kelajuan sesuatu karya muzik. Contoh: Tempo cepat atau lambat.
Tie	Sambungan dua not atau lebih yang sama pic untuk memanjangkan bunyinya. 
Warna Ton	Kualiti sesuatu bunyi. Contoh: warna ton suara lelaki - garau/kasar warna ton suara perempuan - lembut/halus

Terbitan:



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 4-8, Blok E9

Kompleks Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Tel: 03 8884 2000 Faks: 03 8888 9917